

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/08/31 - 40

MAJLIS SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2019 PERINGKAT LHDNM

Cyberjaya, 31 Ogos 2019 – Sebagai tanda meraikan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga kerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2019 peringkat LHDNM telah dianjurkan pada malam tadi bertempat di Menara Hasil Cyberjaya. Dengan tema Hari Kebangsaan 2019 “Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih”, majlis tersebut turut menyaksikan penganjuran serentak oleh warga kerja LHDNM menerusi aktiviti pemasangan dan pengibaran bendera Malaysia di pejabat LHDNM seluruh negara.

Majlis yang telah masuk tahun ke-2 edisi penganjurannya ini dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Sri Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan disertai oleh barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM.

Dato’ Sri Sabin dalam ucapannya berkata “Sebagai tanda menzahirkan penghargaan kepada pejuang negara terdahulu dalam menuntut kemerdekaan, LHDNM tidak ketinggalan untuk turut sama menganjurkan pelbagai aktiviti bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan Hasilian yang juga terdiri daripada berbilang kaum, bangsa dan agama”.

Demi menyemarakkan lagi semangat cintakan negara, Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2019 ini juga diserikan dengan program Bacaan Surah Yaasin, Doa Selamat, Bual Bicara dan *Merdeka Hasil Nite Run* serta *Family Fun Walk* khusus untuk warga kerja dan ahli keluarga LHDNM. Program *Merdeka Hasil Nite Run* serta *Family Fun Walk* ini melibatkan larian malam sejauh 5km untuk kategori individu dan 1km bagi kategori keluarga. Program larian ini telah berjaya menarik 1,050 orang peserta dari kalangan ahli keluarga dan warga kerja LHDNM sekitar Lembah Klang yang turut bersama-sama memeriahkan lagi sambutan ambang kemerdekaan pada malam tersebut.

Kemuncak majlis tersebut adalah menunggu detik waktu pukul 12.00 tengah malam sambil melaungkan slogan keramat “Merdeka” sebagai simbolik kepada penghayatan dan semangat cintakan negara.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan Oleh:**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my**Tarikh: 31 Ogos 2019**

/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



lhdnTube



Gambar 1 : Ucapan perasmian Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2019 oleh YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah.



Gambar 2 : Sesi *Flag off* peserta *Family Fun Walk* oleh YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah dan isteri YBhg. Datin Sri Adreen Aderizza Mohamad Soffi.



Gambar 3 : Laungan kemerdekaan sebanyak tiga kali dipimpin oleh YBhg. Dato Sri Sabin Samitah bersama-sama dengan warga kerja LHDNM.



Gambar 4 : Pemenang peserta lelaki dan wanita pertama acara larian Merdeka Hasil Nite Run.